

01 OCT 2002

SPR-Representasi

PERSEMPADANAN SEMULA: SPR TERIMA 370 REPRESENTASI

MELAKA, 1 Okt (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menerima 370 representasi daripada orang ramai, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (pbt) berhubung pameran cadangan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Pengurus SPR Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman berkata Sabah merupakan negeri terbanyak yang menerima representasi iaitu 68 diikuti oleh Johor (60) dan Kedah (47).

" Di samping itu, antara 289 kes yang memerlukan siasatan tempatan, hanya kira-kira 100 siasatan didapati perlu dilakukan," katanya pada sidang media di Seri Negeri di sini, hari ini.

Terdahulu, Abdul Rashid dan rombongannya mendengar urusan representasi daripada kerajaan negeri Melaka yang diketuai oleh Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan dua kumpulan pengundi di dua kawasan di Melaka.

Siasatan tempatan di Melaka adalah yang pertama dalam siri SPR ke seluruh negara yang dijangka berakhir November ini.

Abdul Rashid berkata SPR tidak dapat menjalankan kes yang tidak terlibat dengan siasatan tempatan kerana:

- * setelah diteliti, tidak cukup syarat iaitu kurang 100 orang
- * ada rayuan terkeluar dari skop yang dibenarkan
- * ada yang dipersetujui kerana alasan-alasan yang baik dan munasabah (yang demikian tidak perlu diadakan siasatan lanjut).

Beliau berkata pihak yang layak membuat representasi syor balas dan membuat rayuan terhadap syor persempadanan semula bahagian pilihan raya yang dikemukakan SPR ialah kerajaan negeri atau penguasa tempatan yang kawasan tadbirannya terlibat dalam urusan berkenaan, sekumpulan 100 orang ramai atau lebih yang namanya terdapat dalam daftar pemilih semasa bagi bahagian pilihan raya berkenaan, orang perseorangan dan pertubuhan yang berdaftar.

Abdul Rashid berkata semua syor persempadanan semula, yang menyaksikan pertambahan 25 kerusi Parlimen dan 59 kerusi negeri itu, telah dipamerkan selama sebulan kepada umum di 748 tempat di seluruh negara mulai 8 Ogos lepas.

Beliau berkata syor persempadanan semula itu akan dipamerkan buat kali kedua setelah mengambil kira siasatan tempatan kali pertama sebelum dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dibentangkan di Parlimen.

"Kami menjangka urusan persempadanan semula akan dibentangkan kepada Parlimen pada sesi Mac tahun depan untuk dibahaskan dan selepas itu diwartakan," katanya.

Beliau berkata persempadanan semula itu akan digunakan untuk pilihan raya umum akan datang jika Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dibubarkan.

Penggal pemerintahan kerajaan sekarang akan berakhir pada 20 Dis 2004, katanya.

Abdul Rashid berkata tiada representasi diterima daripada kerajaan negeri Terengganu, Perak, Pahang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Johor dan Sabah.

Beliau berkata dua representasi diterima daripada Pihak Berkuasa Tempatan di Kelantan dan Sabah.

Menurutnya daripada 289 kes itu, hanya kira-kira 20 peratus merupakan representasi parti pembangkang yang kebanyakannya PAS.

Ketika ditanya jumlah peratusan kecil parti pembangkang itu, beliau

berkata pembangkang hanya membuat "bising" menerusi akhbar-akhbar sahaja mengenai urusan persempadanan itu.

" Kita dituduh bersengkongkol dengan BN (Barisan Nasional)... ini tuduhan biasa sedangkan mereka (pembangkang) hanya sedikit mengemukakan representasi," katanya.

Beliau juga berkata 50 kes diterima melibatkan nama baru di kawasan-kawasan dewan undangan negeri dan ia akan dikaji oleh SPR dengan mengambil kira faktor tempatan.

Bagi Melaka, Abdul Rashid berkata cadangan balas yang diterima melibatkan perpindahan peti undi manakala kerajaan negeri mencadangkan penyelesaian pentadbiran dan komunikasi.

Berdasarkan persempadanan semula SPR itu, Melaka yang pada masa kini mempunyai lima kerusi parlimen dan 25 DUN, akan mendapat tambahan satu kerusi Parlimen dan tiga kerusi DUN.

-- BERNAMA

NO NAK